

## **SHARENTING: IMPLIKASINYA DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN MALAYSIA**

*(Sharenting: Its Implications from the Malaysian Legal  
Perspective)*

*Anis Shuhaiza Md. Salleh*  
shuhaiza@uum.edu.my

*Nor Azlina Mohd. Noor*  
norazlyna@uum.edu.my

Pusat Pengajian Undang-undang,  
Universiti Utara Malaysia.

Published online: 1 January 2019

To cite: Anis Shuhaiza Md. Salleh and Nor Azlina Mohd. Noor. (2019). *Sharenting: Implikasinya dari perspektif perundangan Malaysia*. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 121 – 156.

### **Abstrak**

Perkongsian maklumat secara tidak terkawal boleh menimbulkan beberapa masalah perundangan. Tren mutakhir yang dikenali sebagai *sharenting* menunjukkan kesungguhan ibu bapa untuk berkongsi maklumat berkaitan anak-anak mereka secara bebas tanpa batasan melalui internet. Perkongsian maklumat secara berlebihan di media sosial perlu dilihat dari aspek keselamatan maklumat peribadi, kerahsiaan dan privasi. Artikel ini bertujuan melihat isu *sharenting* secara lebih holistik dengan mengkaji keperluan undang-undang untuk mengawalinya daripada berleluasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara sosioperundangan dengan mengkaji kesan *sharenting* kepada keadaan semasa dan melihat tahap kawalan undang-undang yang sedia ada. Hasil kajian mendapati bahawa wujud keperluan untuk melihat

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

isu ini secara lebih serius dengan membuat penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada supaya perlindungan yang lebih komprehensif boleh ditawarkan kepada anak-anak.

Kata kunci: *sharenting*, perkongsian maklumat, hak ibu bapa, hak anak-anak, kawalan undang-undang

### *Abstract*

*Uncontrollable information-sharing may cause some legal issues. The recent trend is that parents are eager to share information regarding their children freely and without restrictions via the Internet. This is known as 'sharenting'. The sharing of such information must be viewed in terms of the security of personal information, confidentiality and privacy. The aim of this article is to take a holistic look at the issue of sharenting by examining the necessity of legal controls. This research is a qualitative socio-legal research that studies the implication of sharenting in the current situation, and the adequacy of existing legal protection. The research reveals that there is a need for this issue to be looked at more seriously and that improvements to existing laws are necessary to provide more comprehensive protection to children.*

*Keywords: sharenting, information-sharing, parental rights, childrens' rights, legal protection*

## **PENDAHULUAN**

Perkongsian maklumat merupakan suatu fenomena biasa yang dibenarkan oleh undang-undang atas dasar kebebasan bersuara, iaitu suatu hak asasi yang dilindungi di bawah Perlembagaan Malaysia. Perkongsian ini boleh berlaku sama ada di dunia nyata ataupun di dunia maya melalui media sosial seperti Facebook, Twitter, MySpace dan Instagram. Menurut Abram dan Pearlman (2010), MySpace merupakan sebuah jaringan yang dikhususkan untuk mempromosikan muzik dan kumpulan muzik tempatan, Twitter membolehkan



pengguna berkongsi aktiviti dan kisah hidup menerusi “timeline”, manakala Facebook ialah ruang untuk mengeratkan hubungan dan mencari kawan-kawan lama<sup>1</sup>. Aplikasi media sosial ini telah sekian lama digunakan sebagai medium untuk berkomunikasi, bersosial, mendapatkan maklumat<sup>2</sup> dan juga mempamerkan maklumat peribadi kepada khalayak umum ataupun pengguna lain<sup>3</sup>. Dengan kata lain, aplikasi media sosial ini menjadi suatu bentuk komunikasi utama untuk mengungkapkan sikap dan pendapat masyarakat umum<sup>4</sup> yang dilakukan menerusi gabungan tiga elemen utama, iaitu teknologi, perbualan, dan perkongsian maklumat<sup>5</sup>. Meskipun demikian, semua pengguna seharusnya mengetahui dan memahami bahawa setiap bahan atau maklumat yang kongsi itu bukan sekadar dilihat oleh rakan-rakan sahaja, malah akan dikongsikan pula oleh orang lain dan boleh menjadi tular di media sosial.

- 1 Abram, C., & Pearlman, L. (2010). *Facebook for Dummies*. Hoboken, New Jersey: John Wiley and Sons; Ramizah, Siti, & Jusang Bolong. “Kesediaan mendedahkan hal peribadi: Pola dan dimensi pendedahan sendiri dalam kalangan pengguna Facebook.” *Media literacy among adolescents towards soft drink advertisement in Klang Valley, Malaysia* 13, 69. 11th International Postgraduate Research Colloquium. Retrieved from <http://repository.um.edu.my/40180/1/3-PROCEEDING%20of%20IPRC%202014.pdf#page=69> at 1 Februari 2018.
- 2 Ilham, N. M. M., & Salleh, M. A. M. (2015). Isu Privasi dan Keselamatan dalam Kalangan Pengguna Aplikasi Media Sosial. *e-Bangi*, 10(2); Ezumah, B. A. (2013). College students’ use of social media: Site preferences, uses and gratifications theory revisited. *International Journal of Business and Social Science*, 4(5); Basilisco, R., & Cha, K. J. (2015). Uses and gratification motivation for using facebook and the impact of facebook usage on social capital and life satisfaction among Filipino users. *International Journal of Software Engineering and Its Applications*, 9(4), 181 – 194.
- 3 Salleh, M. A. M., & Ilham, N. M. M. (2017). Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502 – 514.
- 4 Alan Branthwaite, & Simon Patterson. (2011). The power of qualitative research in the era of social media. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 14(4), 430 – 440. Retrieved from <https://doi.org/10.1108/13522751111163245>.
- 5 Mustafa, S. E. (2014). Media sosial di Malaysia dan Indonesia: Penggunaannya sebagai alat komunikasi, kolaborasi dan jaringan digital. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2), 71 – 85.



Akhir-akhir ini wujud suatu trend ibu bapa berlumba-lumba untuk berkongsi maklumat anak-anak mereka secara bebas tanpa batasan di media sosial. Beberapa orang pakar daripada pelbagai bidang mengklasifikasikan perlakuan ini sebagai *sharenting*, iaitu istilah yang dicipta untuk menggambarkan penggunaan media sosial untuk berkongsi maklumat anak-anak yang terlalu banyak oleh ibu bapa<sup>6</sup> dan menjadi semakin tidak terkawal<sup>7</sup>. Keadaan ini berlaku kerana ibu bapa dianggap ingin berkongsi gambar anak-anak mereka dengan keluarga, kawan, dan kenalan dengan cara yang lebih mudah menggunakan medium penyebaran yang meluas seperti media sosial, terutama mereka yang tinggal jauh daripada ahli keluarga lain<sup>8</sup>. Ibu bapa juga ingin berkongsi maklumat tentang anak-anak mereka yang mempunyai penyakit kronik kerana melaluinya mereka boleh berkongsi pengalaman<sup>9</sup>. Perkongsian maklumat seperti ini dalam kehidupan peribadi mengakibatkan ibu bapa mencipta cetakan jari digital pertama (*digital finger prints*)<sup>10</sup> anak-anak mereka seawal belum lagi dilahirkan dengan

- 6 Blum-Ross, A., & Livingstone, S. (2017). "Sharenting," parent blogging, and the boundaries of the digital self. *Popular Communication*, 15(2), 110 – 125.
- 7 Bessant, Claire. (2017). *Parental sharenting and the privacy of children*. Paper presented at Northumbria University Faculty of Business and Law, Faculty and Doctoral Conference, 28 – 29 Jun, Newcastle, United Kingdom. Retrieved from <http://nrl.northumbria.ac.uk/31355/> at 1 Februari 2018.
- 8 Jomhari, N., Gonzalez, V. M., & Kurniawan, S. H. (2009, September). See the apple of my eye: Baby storytelling in social space. In *Proceedings of the 23rd British HCI Group Annual Conference on People and Computers: Celebrating People and Technology* (pp. 238 – 243). Cambridge, United Kingdom: British Computer Society.
- 9 Jacobs, R., Boyd, L., Brennan, K., Sinha, C. K., & Giuliani, S. (2016). The importance of social media for patients and families affected by congenital anomalies: A Facebook cross-sectional analysis and user survey. *Journal of Pediatric Surgery*, 51(11), 1766 – 1771.
- 10 Kumar, P. (2014). *A digital footprint from birth: New mothers' decisions to share baby pictures online*. (Masters thesis, University of Michigan School of Information). Retrieved from [https://deepblue.lib.umich.edu/bitstream/handle/2027.42/106577/Priya\\_Kumar\\_Thesis.pdf?sequence=1&isAllowed=y](https://deepblue.lib.umich.edu/bitstream/handle/2027.42/106577/Priya_Kumar_Thesis.pdf?sequence=1&isAllowed=y) at 1 Februari 2018.

perkongsian gambar semasa mengandung<sup>11</sup> atau sebelum mereka boleh berjalan atau melangkah buat pertama kali.<sup>12</sup>

Namun begitu, ibu bapa yang pada asasnya diberikan amanah untuk mengawasi anak-anak menggunakan media sosial ke arah yang positif dan terhindar daripada pengaruh negatif, kini menjadi ejen perkongsian dan pendedahan secara berlebihan-lebihan maklumat di media sosial. Ibu bapa yang sepatutnya menjadi ejen utama memberikan kesedaran tentang keselamatan siber kepada anak-anak,<sup>13</sup> kini menjadi faktor penyumbang kepada ancaman siber terhadap anak-anak. Ibu bapa perlu menetapkan perkara yang boleh dikongsi dengan orang lain. Ibu bapa harus sedar tentang risiko yang bakal dihadapi dan konflik yang wujud dari aspek keselamatan dan kerahsiaan, serta privasi kerana berkongsi maklumat peribadi di media sosial. Anak-anak mungkin tidak bersetuju dengan keputusan ibu bapa untuk berkongsi maklumat peribadi mereka (sama ada negatif atau positif) di media sosial kerana maklumat yang dimuat naik akan kekal di dunia maya. Walaupun ibu bapa boleh menetapkan parameter mereka, namun maklumat anak-anak di bawah undang-undang sedia ada tidak dapat dikawal selia jejak digital mereka.<sup>14</sup>

Atas fakta ibu bapa sebagai penjaga gerbang maklumat peribadi anak-anak, mereka seharusnya lebih bertanggungjawab untuk menentukan maklumat yang perlu disimpan dan maklumat yang boleh dikongsi dengan dunia luar. Walau bagaimanapun,

- 11 Ammari, T., Kumar, P., Lampe, C., & Schoenebeck, S. (2015, April). Managing children's online identities: How parents decide what to disclose about their children online. In *Proceedings of the 33rd Annual ACM Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 1895 – 1904). Seoul, Republic of Korea: ACM. Retrieved from [http://yardi.people.si.umich.edu/pubs/Schoenebeck\\_ManagingChildrensIdentities15.pdf](http://yardi.people.si.umich.edu/pubs/Schoenebeck_ManagingChildrensIdentities15.pdf) at 1 Februari 2018.
- 12 Keith, B. E., & Steinberg, S. (2017). Parental sharing on the internet: Child privacy in the age of social media and the pediatrician's role. *JAMA Pediatrics*, *171*(5), 413 – 414.
- 13 Pitchan, M. A., Omar, S. Z., Bolong, J., & Ghazal, A. H. A. (2017). Analisis keselamatan siber dari perspektif persekitaran sosial: Kajian terhadap pengguna internet di Lembah Klang. *e-Bangi*, *12*(2), 16 – 29.
- 14 Steinberg, S. B. (2017). Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, *66*, 839.

tiada kata sepakat tentang maklumat yang sesuai untuk dikongsi kepada masyarakat umum. Kajian yang dilakukan oleh Steinberg (2017) menunjukkan bahawa walaupun undang-undang mungkin boleh mengawal cara maklumat dikongsi, ibu bapa ialah pihak yang paling sesuai menentukan cara terbaik untuk mengimbangi privasi anak dengan minat untuk berkongsi cerita di media sosial. Secara umumnya, wujud pelbagai kajian tentang kesan perkongsian maklumat dan reaksi undang-undang terhadap keselamatan dan hak privasi individu yang dilakukan oleh pihak luar<sup>15</sup>. Walau bagaimanapun, kajian tentang isu perundangan dalam aspek *sharenting* sangat terbatas<sup>16</sup> dan suatu kajian kualitatif terhadap data tentang sikap ibu bapa terhadap hak privasi, keselamatan dan psikologi anak-anak<sup>17</sup> yang sedia ada perlu dibuat. Oleh itu, artikel ini bertujuan melihat isu *sharenting* secara lebih holistik dengan mengkaji kewujudan kawalan undang-undang sedia ada dari aspek perlindungan kepada kanak-kanak.

## DEFINISI

*Sharenting* merupakan konsep baharu dalam kajian<sup>18</sup> undang-undang. Menurut definisi yang diberikan oleh *Kamus Bahasa Inggeris Collins*<sup>19</sup>, terbentuk hasil gabungan dua kata nama, iaitu *sharing* dan *parenting* yang bermaksud penggunaan media sosial

- 15 Shmueli, B., & Blecher-Prigat, A. (2010). Privacy for children. *Colum. Hum. Rts. L. Rev.*, 42, 759.
- 16 Brosch, A. (2016). When the child is born into the internet: Sharenting as a growing trend among parents on facebook. *Stanisław Juszczyk*, 225; Bessant, Claire. (2017). Family privacy in the internet age: Family photographs as a case study. Paper presented at PLSC Europe 2017, 17 – 19 Mei 2017. Tilburg, The Netherlands.
- 17 Chalklen, C., & Anderson, H. (2017). Mothering on facebook: Exploring the privacy/openness paradox. *Social Media+ Society*, 3(2), 2056305117707187.
- 18 Marasli, M., Suhendan, E., Yilmazturk, N. H., & Cok, F. (2016). Parents' shares on social networking sites about their children: Sharenting. *The Anthropologist*, 24(2), 399 – 406. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09720073.2016.11892031> at 17 Januari 2018.
- 19 Sharenting. In *Collins Dictionary*. Retrieved from <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/sharenting> at 2 Januari 2018.

yang menjadi kebiasaan untuk berkongsi berita, imej dan lain-lain yang berkaitan dengan anak-anak oleh ibu bapa seperti Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Whatsapp, blog, dan lain-lain. Laporan Bancian Pengguna Internet 2017 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendedahkan bahawa pengguna dalam talian di Malaysia yang mempunyai akaun Facebook adalah sebanyak 97.3 peratus, diikuti Instagram 56.1 peratus, Youtube 45.3 peratus, Wechat Moments 43.7 peratus, Google+28.3 peratus, Twitter 26.6 peratus, dan lain-lain kurang daripada 10 peratus<sup>20</sup>. Keadaan ini menunjukkan keupayaan komunikasi, serta pencarian dan perkongsian maklumat kini lebih mudah, pantas dan tanpa sempadan.

Selain itu, perbuatan *sharenting* ini dikaitkan dengan tindakan perkongsian yang melampau atau terlalu kerap. *Kamus Macmillan*<sup>21</sup> mendefinisikan *sharenting* sebagai suatu terma yang digunakan untuk menggambarkan keadaan penggunaan media sosial yang berlebihan oleh ibu bapa untuk berkongsi maklumat peribadi anak-anak mereka seperti nama, tempat tinggal, umur, tarikh lahir dan jantina. Sementara itu, ibu bapa sebagai pelaku pula diistilahkan sebagai *sharent*<sup>22</sup>. Namun, setakat ini tiada istilah atau terma ditemui dalam bahasa Melayu bagi merujuk *sharenting* secara khusus sebagai satu bentuk komunikasi dan perkongsian kini yang menjadi trend di seluruh dunia.

## **KESAN BUDAYA SHARENTING KEPADA ANAK-ANAK**

Perkongsian maklumat secara berlebihan di media sosial boleh mengakibatkan beberapa kesan kepada individu tertentu, terutamanya kepada anak-anak yang terlibat. Pertama, budaya *sharenting* boleh mengancam keselamatan diri anak-anak. Perkongsian maklumat yang berlebihan dalam bentuk teks, gambar, audio atau video dalam

20 Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017.pdf> es at 2 Januari 2018.

21 *Sharenting*. In *Macmillan Dictionary*. Retrieved from <https://www.macmillandictionary.com/dictionary/british/sharenting> at 2 Januari 2018.

22 Retrieved from <https://www.macmillandictionary.com/buzzword/entries/sharent.html> at 2 Januari 2018.



media sosial menjadi tidak selamat jika disalahgunakan oleh pihak tertentu untuk aktiviti yang tidak baik<sup>23</sup>. Sebagai contoh, dengan hanya melawat atau melihat ruang dinding (*wall*) Facebook ibu bapa, seseorang itu dapat menilai aktiviti atau rutin yang dilaksanakan oleh anak-anak dalam kehidupan seharian dan juga tempat anak-anak tersebut berada pada sesuatu masa.

Kedua, wujud peluang untuk mengakses maklumat yang dikongsi secara langsung kerana media sosial menerusi internet merupakan rangkaian komputer terbesar di dunia yang membenarkan maklumat dapat dicapai secara global. Antara isu yang paling penting berkaitan dengan internet atau data besar dan anak-anak termasuklah identiti digital mereka akan kekal sepanjang hayat<sup>24</sup>. Elemen multimedia yang dipersembahkan di laman web bukan sahaja boleh dilihat atau ditonton tetapi boleh juga dimuat turun dengan mudah dan disebarkan dengan pantas melalui e-mel.<sup>25</sup> Media sosial yang mempunyai ciri web yang dinamik menyediakan satu ruang kepada pengguna yang gemar untuk berkongsi pelbagai maklumat peribadi dan aktiviti harian kepada ahli keluarga dan kawan-kawan. Ciri ini juga memudahkan pengguna media sosial untuk menjalinkan hubungan, berkawan dan membina rangkaian secara dalam talian. Keadaan ini sekali gus membuka peluang kepada sesiapa sahaja untuk mewujudkan rangkaian hubungan secara maya antara satu dengan yang lain. Di media sosial, pengguna dibenarkan untuk berkomunikasi dan berjumpa secara maya dengan kawan yang baru dikenali dalam satu jaringan sosial yang cukup besar, atau sebenarnya menjadi ahli sebahagian daripada jaringan sosial di

23 Salleh, M. A. M., & Ilham, N. M. M. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502 – 514.

24 Berman, G., & Albright, K. (2017). Children and the data cycle: Rights and ethics in a big data world. *arXiv preprint arXiv:1710.06881*. Retrieved from <https://arxiv.org/abs/1710.06881> at 10 Februari 2018.

25 Aziz, N. A. A. (2009). Internet, laman web pornografi dan kaedah psikospiritual Islam dalam menangani keruntuhan akhlak remaja pelayar laman web pornografi. *Jurnal Usuluddin*, 29, 147 – 169.



internet<sup>26</sup>. Oleh itu, apabila ibu bapa berkongsi maklumat peribadi anak-anak di ruangan siber seperti memuat naik gambar, gambar tersebut akan mudah dimuat turun oleh sesiapa sahaja di seluruh dunia dan keadaan ini boleh menyebabkan hak privasi anak-anak dicerobohi dan mereka juga mungkin menjadi mangsa sindiket jenayah siber.

Ketiga, perkongsian maklumat peribadi yang tidak terkawal oleh pengguna di media sosial boleh memberikan impak negatif seperti kecurian maklumat peribadi, pencerobohan data, penyalahgunaan maklumat, dan sebagainya. Media sosial juga memberikan ruang dan kuasa kepada pengguna untuk mengekspresikan diri sendiri dan berhubung dengan individu lain dengan mudah kerana pengguna laman sosial cenderung untuk berkongsi pelbagai maklumat peribadi secara dalam talian. Walau bagaimanapun, perkara ini sebenarnya sangat membimbangkan kerana memberikan peluang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyalahgunakan maklumat peribadi pengguna lain. Pada hari ini, pengguna media sosial rancak untuk berkongsi maklumat diri tetapi tidak menyedari kesan atau risiko yang bakal dihadapi apabila mempamerkan maklumat peribadi secara terbuka. Maklumat peribadi di media sosial terdedah kepada risiko penyalahgunaan maklumat oleh penjenayah siber untuk menyamar menggunakan identiti pengguna yang sebenar untuk melakukan kegiatan yang salah dan bertentangan dengan undang-undang. Lazimnya, mangsa jenayah siber tidak akan menyedari identiti dan maklumat peribadi mereka diawasi, digunakan atau dicuri sehinggalah mereka menjadi mangsa.<sup>27</sup> Pengguna mungkin tidak menyedari wujudnya konsep pengawasan secara digital

26 Salleh, M. A. M., & Ilham, N. M. M. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502 – 514.

27 Salleh, M. A. M., & Ilham, N. M. M. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502 – 514.

melalui aplikasi media sosial<sup>28</sup> yang seterusnya memberikan kesan positif dan negatif kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.<sup>29</sup>

### **ISU SHARENTING**

Ibu bapa kini gemar berkongsi kegembiraan dan cabaran keibubapaan, serta mendokumentasikan kehidupan anak-anak mereka untuk tontonan umum secara lebih kerap di laman media sosial sehingga hampir menjadi suatu norma sosial<sup>30</sup>. Selain interaksi santai atau suka-suka dengan rakan secara maya, *sharenting* merupakan perbuatan yang melibatkan beberapa isu sosial dan perundangan. Antaranya berkaitan dengan hak privasi, keselamatan dan gangguan psikologi anak apabila identiti atau gambarnya didedahkan.

### **HAK PRIVASI ANAK**

Hak privasi ialah hak untuk mengekalkan beberapa tingkat kawalan terhadap sfera dalaman tentang maklumat peribadi dan akses orang lain terhadap badan, keupayaan dan kuasa seseorang<sup>31</sup>, serta merupakan hak untuk mengehadkan akses orang ramai terhadap diri dan maklumat seseorang<sup>32</sup>. Berdasarkan laporan daripada *C. S. Mott Children's Hospital National Poll on Children's Health* yang disiarkan pada Mac 2015, kajian mendedahkan terdapat sebanyak

28 Fuchs, C., & Trottier, D. (2015). Towards a theoretical model of social media surveillance in contemporary society. *Communications: The European Journal of Communication Research*, 40(1), 113 – 135.

29 Salleh, M. A. M., & Ilham, N. M. M. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502 – 514.

30 Brosch, A. (2016). When the child is born into the internet: Sharenting as a growing trend among parents on facebook. *The New Educational Review*, 43(1) Mac, 225 – 235. Retrieved from <http://www.educationalrev.us.edu.pl/dok/volumes/43/a19.pdf> at 15 Januari 2018.

31 Moore, A. (2008). Defining privacy. *Journal of Social Philosophy*, 39(3), 411 – 428. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/490d/55b9f4b806eb6b905272590414d57e4c3975.pdf> at 15 Januari 2018.

32 Moore, A. (2008). Defining privacy. *Journal of Social Philosophy*, 39(3), 411 – 428. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/490d/55b9f4b806eb6b905272590414d57e4c3975.pdf> at 15 Januari 2018.

27 peratus ibu bapa yang berkongsi gambar anak mereka yang tidak sesuai, 51 peratus memberikan maklumat tentang lokasi anak dan 56 peratus memberikan maklumat yang memalukan anak mereka<sup>33</sup>. Walaupun tiada peraturan yang jelas tentang setakat manakah sesuatu maklumat itu dikatakan bersesuaian untuk dikongsi, hasil kajian menunjukkan terdapat tiga perempat responden berpendapat bahawa tindakan ibu bapa berkongsi maklumat anak-anak mereka secara dalam talian dibuat secara berlebihan<sup>34</sup>. Steinberg menegaskan bahawa perkongsian ibu bapa secara dalam talian kebiasaannya tidak mendapat persetujuan anak-anak terlebih dahulu<sup>35</sup>. Walaupun kebanyakan ibu bapa membuat perkongsian secara dalam talian hanya sekadar suka-suka atau dengan niat yang baik, kebiasaannya anak-anak tidak mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan atau untuk membentuk sesuatu cerita yang dikongsi oleh ibu bapanya<sup>36</sup>. Dengan kata lain, perkongsian maklumat tersebut dilakukan oleh ibu secara bersendirian tanpa pengetahuan anak-anak yang mungkin tidak bersetuju maklumat tersebut didedahkan kepada umum.

Shmueli dan Blecher-Prigat berpendirian bahawa kanak-kanak bukan sahaja mempunyai kepentingan untuk dilindungi maklumat peribadinya yang negatif, malah maklumat yang positif<sup>37</sup> termasuklah

33 Retrieved from [https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615\\_sharenting\\_0.pdf](https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615_sharenting_0.pdf) at 5 Januari 2018.

34 Retrieved from <https://mottpoll.org/reports-surveys/parents-social-media-likes-and-dislikes-sharenting> at 2 Januari 2018.

35 Steinberg, S. B. (2017). Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, 66(839), 839 – 884. Retrieved from <https://scholarship.law.ufl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1796&context=facultypub> at 10 Januari 2018.

36 Steinberg, S. B. (2017). Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, 66(839), 839 – 884. Retrieved from <https://scholarship.law.ufl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1796&context=facultypub> at 10 Januari 2018.

37 Shmueli, B., & Blecher-Prigat, A. (2011). Privacy for children. *Columbia Human Rights Law Review*, 42 (Januari), 759 – 795. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/8e6f/ee09115b1c9c9c0fdc9af68e2100435f0e23.pdf> at 30 Disember 2017.

perkongsian maklumat peribadi anak-anak yang bertujuan mencari sokongan dan bantuan bagi sesuatu penyakit atau masalah yang dihadapi oleh anak-anak<sup>38</sup>. Menurut Blum-Ross, ibu bapa gemar berkongsi gambar dan cerita tentang anak-anak mereka secara dalam talian kerana cara ini paling mudah untuk berhubung dengan rakan-rakan dan keluarga, merakam memori serta mendapatkan nasihat dan sokongan daripada pengguna lain di laman media sosial<sup>39</sup> yang akhirnya akan membina personel atau *business branding* yang mempunyai kesan baik dan buruk, terutamanya kepada anak-anak. Kesan buruknya jelas dilihat apabila privasi seseorang anak akan terganggu kerana kebanyakan telefon pintar dan peranti yang digunakan kini untuk merakamkan gambar dan penggunaan laman media sosial mempunyai meta-data<sup>40</sup> termasuklah perincian lokasi atau maklumat lain seperti nama, umur, dan tarikh lahir untuk identifikasi.

The United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC) yang diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995 menggariskan beberapa hak kanak-kanak yang perlu dipatuhi oleh negara pihak. Perkara 16 UNCRC memperuntukkan hak bagi perlindungan privasi yang bermaksud seorang kanak-kanak tidak boleh dikenakan sebarang gangguan terhadap privasinya dengan sewenang-wenangnya sama ada oleh ibu bapanya atau orang luar, termasuklah melalui pendedahan maklumat di alam maya atau sebaliknya.

Montague menyatakan bahawa hak privasi termasuklah maklumat peribadi seseorang yang secara tersiratnya pemegang hak mempunyai kebebasan terhadap perkara tersebut dan menjadi obligasi kepada yang lain untuk tidak mengganggu dan merampasnya

38 Steinberg, S. B. (2017). Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, 66(839), 839 – 884. Retrieved from <https://scholarship.law.ufl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1796&context=facultypub> at 10 Januari 2018.

39 Blum-Ross, A. (2015, 17 Jun). Sharenting: Parent bloggers and managing children's digital footprints. Retrieved from [http://eprints.lse.ac.uk/63324/7/Sharenting%20parent%20bloggers\\_2015.pdf](http://eprints.lse.ac.uk/63324/7/Sharenting%20parent%20bloggers_2015.pdf) at 10 Januari 2018.

40 Meta-data bermaksud satu set data yang menggambarkan dan memberikan maklumat tentang data lain.

tanpa justifikasi<sup>41</sup>. Oleh sebab kanak-kanak bukanlah barangan kepunyaan ibu bapa atau dikategorikan sebagai *a helpless object of charity* semata-mata, tetapi merupakan ahli sesebuah keluarga dan komuniti, maka haknya perlulah dihormati dan dipelihara. Hakikatnya, kanak-kanak memerlukan perlindungan privasi yang lebih besar dan berbeza daripada orang dewasa kerana keupayaan mereka yang terbatas dari segi mental dan fizikal untuk menepis, menghalang atau membaiki sebarang kerosakan atau kemudaratan yang menimpa dirinya. Selain itu, hak lain yang digariskan oleh UNCRC untuk seorang kanak-kanak termasuklah hak memberikan pendapat, dipelihara identitinya, perlindungan undang-undang terhadap sebarang gangguan atau serangan, perlindungan terhadap eksploitasi seks dan bentuk eksploitasi lain<sup>42</sup>.

Pada era digital kini, kebanyakan pengguna memilih telefon pintar yang berupaya mengakses internet bagi membolehkan mereka berinteraksi secara dalam talian. Kajian di Malaysia menunjukkan pada tahun 2016, sebanyak 89.4 peratus pengguna internet menggunakan telefon pintar untuk mengakses internet, diikuti komputer riba (*netbook, notebook/laptop*) sebanyak 36.3 peratus, komputer peribadi (*personal computer/desktop*) sebanyak 29.3 peratus, *tablet* sebanyak 18.0 peratus dan peranti lain kurang daripada 10.0 peratus<sup>43</sup>. Oleh sebab perkongsian dapat dibuat dengan mudah dan pantas di mana-mana sahaja, perkongsian tersebut boleh melangkaui senarai “rakan-rakan” dengan tidak mengehadkan akses pihak umum terhadap perkongsian tersebut. Tindakan ini boleh menyebabkan maklumat tersebut tersebar kepada ramai orang dan boleh diakses oleh ramai pengguna media sosial tanpa dapat dikawal, menjadi viral dan berkemungkinan akan kekal dalam talian jika tiada langkah penghapusan dibuat.

41 Montague, P. (1988). Child’s right to privacy. *Public Affairs Quarterly*, 2(1) Januari, 17 – 32. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/40435666> at 15 Januari 2018.

42 Retrieved from <https://www.unicef.org/malaysia/Unicef-ChildrensRights.pdf> at 11 Disember 2017.

43 Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017.pdf> at 11 Disember 2017.

Kajian *C. S. Mott Children's Hospital, National Poll on Children's Health* juga melaporkan bahawa walaupun ramai ibu bapa menggunakan ketetapan peribadi dalam media sosial untuk mengawal pihak yang dapat melihat perkongsian, namun tidak semua mempunyai kefahaman yang cukup baik tentang ketetapan peribadi<sup>44</sup>. Selain itu, polisi tentang privasi sesuatu media juga ini boleh berubah dari semasa ke semasa menyebabkan perkara yang dikategorikan sebagai peribadi pada hari ini tidak dijamin bersifat peribadi juga pada masa hadapan<sup>45</sup>. Dengan kata lain, tetapan peribadi di laman sosial tidak selamat kerana masih boleh diakses<sup>46</sup>. Oleh itu, hak seorang anak yang dicabuli secara langsung mahupun tidak lansung akhirnya boleh mengakibatkan identiti seorang kanak-kanak yang sepatutnya dilindungi didedahkan atau digunakan secara tidak wajar.

## GANGGUAN PSIKOLOGI ANAK

Tindakan berkongsi gambar atau maklumat peribadi anak-anak di laman media sosial secara berlebihan boleh memberikan kesan terhadap reputasi anak-anak dalam talian<sup>47</sup>. Reputasi dalam talian terbentuk daripada input yang diberikan sama ada oleh kanak-kanak atau orang lain, termasuk ibu bapa mereka<sup>48</sup>. Istilah seperti *children's digital footprints*, *children's digital profiles* atau *children's digital presence* merupakan istilah yang merujuk kewujudan atau keberadaan anak-anak di alam maya menerusi maklumat atau

44 Retrieved from [https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615\\_sharenting\\_0.pdf](https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615_sharenting_0.pdf) at 2 Januari 2018.

45 Retrieved from [https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615\\_sharenting\\_0.pdf](https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615_sharenting_0.pdf) at 2 Januari 2018.

46 Rashiqah Ilmi Abd. Rahim *et al.* (2018, 4 Januari; 10 Januari). Tetapan peribadi di laman sosial tidak selamat. *Berita Harian atas Talian*, Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/370698/tetapan-peribadi-di-laman-sosial-tidak-selamat>.

47 Juga disebut sebagai reputasi digital (*digital reputation*).

48 Bouckley, H. (2017, 27 November). *Online reputation: How to keep your children safe online*. Retrieved from <http://home.bt.com/tech-gadgets/internet/online-reputation-management-parents-children-11364112168110> at 12 Januari 2018.

gambar. Meskipun demikian, *sharenting* memberikan kebaikan kepada ibu bapa dan anak-anak. Antaranya termasuklah menambah “rakan-rakan” dalam talian bagi berkongsi masalah dan minat yang sama tentang anak-anak, saling menasihati, mempromosikan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan anak dan yang paling penting menambah pengetahuan melalui perkongsian dan perbincangan secara dalam talian.

*Sharenting* juga boleh memberikan kesan buruk kepada psikologi kanak-kanak apabila meningkat dewasa, terutama apabila perkongsian yang dibuat oleh ibu bapa adalah tentang maklumat peribadi yang negatif seperti masalah kesihatan, pembelajaran, perlakuan dan perkara yang memalukan mereka. Sebagai contoh, memuat naik gambar anak yang masih kecil dalam keadaan bogel atau berpakaian tidak sempurna atau maklumat tentang penyakit yang dihadapi yang menyebabkan rasa malu dan rendah diri. Begitu juga dengan perkongsian keputusan peperiksaan anak-anak oleh ibu bapa di media sosial, terutamanya bagi mereka yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan. Kanak-kanak tersebut lebih terdedah kepada perlakuan buli dan dipersenda oleh rakan-rakan.

Tambahan pula, Steinberg menyatakan bahawa kanak-kanak mempelajari sesuatu dari pelbagai sumber termasuklah tindakan ibu bapa yang gemar berkongsi maklumat peribadi dan gambar di media sosial<sup>49</sup>. Secara psikologinya, tindakan sedemikian akan dianggap tidak salah kerana perkara tersebut sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian mereka. Lebih malang lagi jika anak-anak tidak dapat membezakan antara peribadi atau tidak dan kesan buruknya.

## KESELAMATAN ANAK

Dunia siber kini menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia moden dan mengubah pelbagai aspek kehidupan manusia. Dunia siber bukan sahaja memberikan kesan positif, malah membawa

49 Steinberg, S. B. (2017). *Sharenting: Children’s privacy in the age of social media*. *Emory Law Journal*, 66(839), 839 – 884. Retrieved from <https://scholarship.law.ufl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1796&context=facultypub> at 10 Januari 2018.



kesan negatif kepada masyarakat, terutamanya perlakuan jenayah. Kepelbagaian media sosial yang muncul memberikan ruang berlakunya jenayah bentuk baharu yang berfokuskan komputer, iaitu dari dunia realiti mula “berpindah” ke alam maya melalui teknologi media sosial<sup>50</sup>. Oleh itu, tidak hairanlah jika kini jenayah media sosial adalah antara penyumbang tertinggi kes jenayah di negara maju seperti Amerika Syarikat, China, Jepun dan Korea<sup>51</sup>. Jenayah media sosial didefinisikan sebagai perbuatan jenayah yang dilakukan melalui komputer yang dilengkapi internet untuk mendapat keuntungan dan merugikan mangsa yang terlibat.<sup>52</sup> Kajian yang dijalankan oleh Wall (2005) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan internet dengan jenayah yang berlaku.<sup>53</sup> Antara perlakuan jenayah dan masalah sosial yang terlibat termasuklah pornografi, buli siber, pemilikan dan kecurian identiti, penipuan, pelacuran, penyeludupan, peras ugut, pelaburan haram, aktiviti seks bebas, rogol, mencabul kehormatan, penyalahgunaan dadah, dan sebagainya<sup>54</sup>. Walau bagaimanapun, aktiviti ini hanya akan membincangkan pornografi, buli siber dan pemilikan dan kecurian identiti.

Pertama, anak-anak mungkin menjadi mangsa perlakuan jenayah seksual oleh golongan pedofilia. Foto kanak-kanak boleh disalin dan dikongsi di laman web yang disasarkan oleh pedofilia<sup>55</sup>

- 50 Yar, M. (2012). Crime, media and the will-to-representation: Reconsidering relationships in the new media age. *Crime, Media, Culture*, 8(3), 245 – 260.
- 51 Yar, M. (2012). Crime, media and the will-to-representation: Reconsidering relationships in the new media age. *Crime, Media, Culture*, 8(3), 245 – 260.
- 52 Ghani, N. M., & Ghazali, S. (2015). Tindak balas pengguna Youtube terhadap kes buli dalam kalangan remaja di Malaysia. *Sains Humanika* 6(1), 9 – 17.
- 53 Wall, D. S. (2005). The internet as a conduit for criminals (pp. 77 – 98). In Pattavina, A. (Ed.), *Information technology and the criminal justice system*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- 54 Malek, M. D. A., & Kamil, I. S. M. (2010). *Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: Cabaran dan realiti dunia siber*. Paper presented at Program Jenayah Cyber dan Isu Permerdagangan Manusia di Malaysia, 26 Ogos, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. Retrieved from <http://eprints.ums.edu.my/117/> at 1 Februari 2018.
- 55 Censullo, M. (2018). *Sharenting can lead to your kid's identity being stolen*. Retrieved from <http://wfla.com/2018/02/06/sharenting-can-lead-to-your-kids-identity-being-stolen/> at 1 Februari 2018.

dengan cara mengakses gambar yang dikongsi oleh ibu bapa, memuat turun, mengubah, dan kemudiannya dikongsi dalam laman web yang biasa digunakan oleh pedofilia.<sup>56</sup> Jenayah seksual siber juga termasuklah pornografi “peccadilloes”, iaitu suatu perlakuan atau tingkah laku jenayah yang sangat berbahaya yang berkomplot untuk merendahkan kualiti hidup masyarakat melalui media sosial<sup>57</sup>. Tindakan ibu bapa yang berkongsi visual atau gambar peribadi anak-anak di media sosial sebenarnya secara tidak langsung berkongsi imej diri anak mereka yang boleh dianggap lucu atau sebagai suatu sumber eksploitasi fenomena “sexting”. Ibu bapa yang memuat naik gambar bogel atau separa bogel anak-anak mungkin tidak menyedari bahawa imej itu digunakan oleh pornografi atau diperlakukan secara tidak wajar oleh orang lain<sup>58</sup>.

Kedua, anak-anak juga boleh menjadi mangsa perbuatan buli yang dilakukan dan disebarikan melalui media sosial<sup>59</sup>, apabila ibu bapa memuat naik maklumat yang memalukan<sup>60</sup> meskipun pada asalnya berniat untuk mendidik anak-anak atau sebagai gurauan semata-mata. Menurut Grube, kegiatan buli yang dilakukan menerusi media sosial lebih mudah dilakukan kerana identiti pembuli tidak dapat dikesan, tidak perlu bersemuka dengan mangsa dan tidak perlu melihat tindak balas fizikal mangsa<sup>61</sup> dengan niat untuk menyakiti

- 56 Steinberg, S. B. (2017). Sharenting: Children’s privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, 66, 839.
- 57 Wall, D. (2004). What are Cybercrimes?. *Criminal Justice Matters*, 58(1), 20 – 21. Retrieved from <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09627250408553239?journalCode=rcjm20> at 1 Februari 2018.
- 58 Child Community Family Australia (2015) Images of children and young people online. Retrieved from <https://aifs.gov.au/cfca/publications/images-children-and-young-people-online> at 10 Februari 2018.
- 59 Ghani, N. M., & Ghazali, S. (2015). Tindak balas pengguna YouTube terhadap kes buli dalam kalangan remaja di Malaysia, *Sains Humanika*, 6(1), 9 – 17.
- 60 Moser, C., Chen, T., & Schoenebeck, S. Y. (2017). Parents and childrens preferences about parents sharing about children on social media. In *Proceedings of the 2017 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 5221 – 5225). ACM.
- 61 Grube, B. (2012). Social Media’s Influence on Youth. YDI Research Brief Number 17. Retrieved from [tamu.edu/wp.../YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf](http://tamu.edu/wp.../YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf) at 4 Februari 2018.

atau memalukan individu terbabit. Kesannya, mangsa pastinya akan dikecam, dihina, dikutuk, dicaci, dan sebagainya<sup>62</sup>. Feinberg & Robey pula berpendapat buli siber seperti pergaduhan, ugutan, cacian, penyamaran dan penyisihan dalam media sosial terjadi melalui pengemaskinian status dan pemberian respons terhadap status yang dikemas kini dalam media sosial<sup>63</sup>. Kajian Cheng, Danescu-Niculescu-Mizil & Leskovec pula mendapati pengguna media sosial lebih suka menilai dan memberikan komen negatif kepada rakan media sosialnya berbanding dengan komen yang positif.<sup>64</sup> Remaja yang dibuli akan menghadapi kesukaran seperti tekanan, kebimbangan, mengasingkan diri daripada masyarakat, rendah diri, masalah hubungan sosial, menjadi cemas dan tertekan, bersifat agresif, mengalami gangguan psikologi, sosial, dan pendidikan, dan kesan yang paling teruk sehingga ada yang membunuh diri<sup>65</sup>. Penghinaan dan kecaman yang dihadapi tidak akan hilang dan kekal di media sosial buat selama-lamanya, mudah diakses oleh bakal majikan atau pasangan atau oleh sesiapa sahaja yang melakukan carian melalui *Google* ataupun *Yahoo*.<sup>66</sup>

Ketiga, anak-anak juga terdedah kepada jenayah penculikan dan kecurian identiti. *Sharenting* membuka peluang kepada penjenayah untuk melakukan penipuan yang mensasarkan ibu bapa dan anak-

- 62 Ghani, N. M., & Ghazali, S. (2015). Tindak balas pengguna YouTube terhadap kes buli dalam kalangan remaja di Malaysia. *Sains Humanika*, 6(1), 9 – 17.
- 63 Feinberg, T., & Robey, N. (2009). Cyberbullying: Intervention and prevention strategies. *National Association of School Psychologists*, 38(4), 22–24. Retrieved from <http://avoca37.org/awpupilservices/files/2012/10/Cyberbullying.pdf> at 20 Februari 2018.
- 64 Cheng, J., Danescu-Niculescu-Mizil, C., & Leskovec, J. (2014). How community feedback shapes user behavior. *arXiv preprint arXiv:1405.1429*. Retrieved from <https://www.aaii.org/ocs/index.php/ICWSM/ICWSM14/paper/viewFile/8066/8104> at 3 Februari 2018.
- 65 Kessel Schneider, S. (2013). Social media and cyberbullying: Implementation of school-based prevention efforts and implications for social media approaches. In 141st APHA Annual Meeting (November 2 – November 6, 2013). APHA. Retrieved from <https://apha.confex.com/apha/141am/webprogramadapt/Paper291097.html> at 20 Februari 2018.
- 66 Scheff, S., Schorr, M., & Lewinsky, M. (2017). *Shame nation: The global epidemic of online hate*. Naperville, Illinois: Sourcebooks.

anak. Anak-anak bukan sahaja terdedah kepada penculikan fizikal, malahan pengeksploitasian gambar, video dan maklumat peribadi. Ada penjenayah yang bertindak menggunakan gambar anak-anak dan membuat tuntutan palsu hak penjagaan terhadap anak tersebut. Penculikan maya ini merupakan antara jenayah yang semakin meningkat di Amerika Syarikat dengan memilih anak-anak yang tinggal jauh dari rumah sebagai sasaran. Modus operandi yang biasa digunakan ialah anak-anak dijadikan sebagai tebusan maya menerusi panggilan telefon dan mendakwa anak diculik dan meminta ibu bapa perlu membayar wang tebusan sebagai ganti<sup>67</sup>.

## **KAWALAN UNDANG-UNDANG DI BEBERAPA BUAH NEGARA TERPILIH**

Berikutan kemunculan trend *sharenting* sebagai suatu fenomena baharu, belum ada undang-undang yang khusus dan komprehensif digubal untuk menanganinya. Kebanyakan negara menggunakan undang-undang perlindungan data dan privasi sedia ada sebagai suatu kawalan terhadap penyalahgunaan dan perkongsian maklumat anak-anak secara tidak terkawal. Sejarah undang-undang privasi yang bermula pada tahun 1948 semasa Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) mengiktiraf privasi sebagai hak asasi manusia antarabangsa dengan menyatakan bahawa *no one shall be subjected to arbitrary interference with his privacy, family, home or correspondence, nor to attacks upon his honour and reputation*<sup>68</sup>. Hak privasi tersebut kemudiannya menjadi suatu triti atau perjanjian undang-undang pada peringkat antarabangsa dengan istilah yang sama digunakan dalam Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) pada tahun 1976<sup>69</sup>, dan diterima pakai

67 Burcham, J. (2016). Where Do You Stand on “Sharenting”? Retrieved from <https://www.fightingidentitycrimes.com/where-do-you-stand-on-sharenting/> at 1 Februari 2018.

68 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), perkara 12. Retrieved from [www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/](http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/) at 1 Mac 2018.

69 Konvenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights), perkara 14. Retrieved from <http://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx>. at 3 Februari 2018.

juga dalam konvensyen antarabangsa lain, termasuklah Konvensyen Hak Kanak-kanak<sup>70</sup>.

United Nations Children Fund (UNICEF) mempunyai mandat khusus untuk melindungi, menghormati dan mempertahankan hak kanak-kanak dan keluarga mereka di seluruh dunia dan membantu memudahkan pelaksanaannya melalui Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Konvensyen ini menjelaskan bahawa kanak-kanak mempunyai hak khusus terhadap privasi. Melihat peruntukan dalam UDHR dan ICCPR, perkara 16 CRC menyatakan bahawa tiada kanak-kanak akan diganggu sewenang-wenangnya atau menyalahi undang-undang dengan privasi, keluarga, atau surat-menyuratnya, atau serangan menyalahi undang-undang terhadap kehormatan dan reputasinya, dan menegaskan semula bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi oleh undang-undang daripada gangguan atau serangan itu. Apabila dibaca bersama-sama, kedua-dua piawaian ini mencadangkan bahawa kanak-kanak dan orang dewasa harus diberikan tahap perlindungan yang sama untuk hak privasi mereka sebagai orang dewasa<sup>71</sup>.

Walaupun undang-undang di England mengiktiraf hak umum yang boleh dikuatkuasakan terhadap privasi, kanak-kanak tidaklah terpinggir daripada dilindungi oleh undang-undang. Tiga undang-undang yang berkaitan adalah seperti undang-undang kerahsiaan atau privasi, tort penyalahgunaan maklumat peribadi dan Akta Perlindungan Data 1998<sup>72</sup>. Di bawah Akta Perlindungan Data 1998, peruntukan umum menyatakan bahawa sesiapa yang menjadi mangsa penyalahgunaan data privasi boleh menuntut ganti rugi

70 Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child*), perkara 16. Retrieved from <https://www.unicef.org/crc/> at 3 Februari 2018.

71 UNICEF (2017). Discussion Paper Series: Children's rights and business in a digital world, privacy, protection of personal information and reputation. Retrieved from [https://www.unicef.org/csr/css/UNICEF\\_CRB\\_Digital\\_World\\_Series\\_PRIVACY.pdf](https://www.unicef.org/csr/css/UNICEF_CRB_Digital_World_Series_PRIVACY.pdf) at 3 Februari 2018; Kirsty Hughes. (2011). The child's right to privacy and article 8 European Convention on Human Rights, in Michael Hughes (Ed.), *Law and childhood studies: Current legal*, (Vol. 14). Oxford: Oxford University Press.

72 Retrieved from <https://www.legislation.gov.uk/ukpga/1998/29/contents>.

di bawah seksyen 13 dan juga berhak untuk menuntut arahan pembetulan, penyekatan, penghapusan dan pemusnahan maklumat tersebut di bawah seksyen 14. Oleh itu, berdasarkan peruntukan undang-undang berkenaan, kanak-kanak bukan sahaja berpotensi mendapatkan injunksi untuk menghalang penerbitan yang berterusan dan untuk mendapatkan arahan penyingkiran imej atau maklumat yang dipaparkan dalam talian atau di media sosial, malahan mereka mungkin juga berhak mendapat pampasan kewangan. Bessant menggariskan remedi undang-undang yang boleh dipertimbangkan oleh kanak-kanak yang tidak bersetuju dengan tindakan ibu bapa berkongsi maklumat mereka di media sosial dan berhasrat untuk membuang maklumat yang dikongsi dalam artikelnya yang bertajuk, “Penyalahgunaan Maklumat Persendirian dan Perlindungan Data” untuk menunjukkan bahawa pentingnya melindungi hak kanak-kanak dan privasi mereka di media sosial<sup>73</sup>.

Selain itu, hak untuk dilupakan (*right to erasure atau right to be forgotten*) merupakan konsep yang dibincangkan dan dilaksanakan dalam kedua-dua Kesatuan Eropah (EU), dan Argentina sejak tahun 2006. Hak ini diperuntukkan dengan jelas dalam perkara 17, Peraturan Perlindungan Data Am Kesatuan Eropah (*General Data Protection Regulation (GDPR)*)<sup>74</sup>. Isu ini timbul daripada keinginan individu untuk menentukan perkembangan hidup mereka dengan cara autonomi, tidak bersifat kekal atau secara stigma akibat tindakan tertentu yang dilakukan pada masa lalu. Walau bagaimanapun, wujud kebimbangan tentang impak penggunaan hak tersebut terhadap hak kebebasan bersuara dan interaksi dengan hak privasi. Dalam kes *Google Spain SL and Google Inc. Iwn Agencia Española de Protección de Datos (AEPD) & Mario Costeja González* (ECLI: EU: C: 2014: 317) pada tahun 2014, Mahkamah Keadilan Eropah memutuskan untuk memihak kepada individu berbangsa Sepanyol yang mendakwa dirinya tidak selesa dan rasa dimalukan secara umum

73 Bessant, C. (2017). Could a child sue their parents for sharenting? Parenting for a digital future blog. Retrieved from <http://blogs.lse.ac.uk/parenting4digitalfuture/2017/01/17/could-a-child-sue-their-parents-for-sharenting/>

74 Peraturan Perlindungan Data Am (General Data Protection Regulation (GDPR)), perkara 17: Hak untuk dilupakan. Retrieved from <https://gdpr-info.eu/art-17-gdpr/> at 1 Februari 2018.

oleh akhbar (yang diarkibkan dalam enjin carian *Google*.) Akhbar itu mengandungi maklumat umum tentang hutangnya. Mahkamah dalam kes ini memutuskan bahawa *Google* perlu menghalang penyebaran maklumat tersebut di enjin cariannya. *Google* memanggil tindakan ini sebagai “delisting” kerana maklumat tersebut pada asasnya tidak dipadamkan daripada arkib elektronik akhbar, tetapi mereka yang mencari nama lelaki itu tidak akan menjumpai maklumat yang berkaitan di mana-mana pautan melalui enjin carian *Google*<sup>75</sup>. Penghakiman tersebut memberikan kesan terhadap operasi internet, umumnya dan komponen yang paling penting, iaitu carian *Google*. Keputusan penghakiman ini secara langsung memberikan kesan terhadap capaian data individu tertentu di internet<sup>76</sup>. Oleh itu, syarikat *Google* menerima lebih daripada 650 000 permintaan untuk membuang laman web tertentu daripada hasil cariannya<sup>77</sup>. Oleh itu, hak ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada anak-anak yang dalam kapasiti belum dewasa untuk memohon hak untuk dilupakan ketika mereka dewasa kelak untuk menghentikan penyebaran dan perkongsian di enjin carian media sosial terhadap maklumat yang dikongsi oleh ibu bapa mereka di internet tanpa keizinan mereka semasa masih kecil.

Undang-undang di Perancis didapati lebih tegas kerana mengarahkan ibu bapa berhenti menyiarkan gambar anak-anak di media sosial kerana anak-anak pada masa hadapan boleh mendakwa ibu bapa mereka kerana melanggar hak privasi atau menjejaskan keselamatan mereka.

Sementara itu, kehidupan peribadi dan keluarga juga

75 *Google Spain SL and Google Inc*. lwn. *Agencia Española de Protección de Datos (AEPD) and Mario Costeja González* ECLI:EU:C:2014:317. Retrieved from <http://eur-lex.europa.eu/legal-content/EN/TXT/?uri=CELEX%3A62012CJ0131> at 1 Februari 2018.

76 Frantziou, E. (2014). Further Developments in the Right to be Forgotten: The European Court of Justice’s Judgment in Case C-131/12, *Google Spain, SL, Google Inc* lwn. *Agencia Espanola de Proteccion de Datos. Hum. Rts. L. Rev.*, 14, 761.

77 Doubek, J. (2018). Google has received 650 000 ‘Right To Be Forgotten’ requests since 2014. Retrieved from <https://www.npr.org/sections/thetwo-way/2018/02/28/589411543/google-received-650-000-right-to-be-forgotten-requests-since-2014> at 1 Februari 2018.





dilindungi di bawah perkara 9 Kanun Sivil Perancis<sup>78</sup>. Perkara ini menyatakan bahawa semua orang berhak untuk dihormati dalam kehidupan mereka. Mana-mana mangsa pelanggaran privasi boleh menuntut ganti rugi dan meminta pelanggaran itu dihentikan. Kanun Jenayah Perancis juga menyediakan sekatan terhadap kesalahan terhadap mengganggu privasi. Sebagai contoh, mana-mana pelanggaran yang dibuat secara sengaja terhadap kehidupan peribadi seseorang boleh dihukum satu tahun penjara atau denda EUR45 000. “Pelanggaran sengaja” ini termasuk melakukan perkara yang berkaitan dengan privasi tanpa persetujuan pihak terbabit.<sup>79</sup>

Undang-undang di Australia juga belum mempunyai peruntukan khusus terhadap *oversharenting*. Perundangan yang wujud seperti *Information Privacy Act 2014 (Australian Capital Territory)*, *Information Act 2002 (Northern Territory)*, *Privacy and Personal Information Protection Act 1998 (New South Wales)*, *Information Privacy Act 2009 (Queensland)*, *Personal Information Protection Act 2004 (Tasmania)*, dan *Privacy and Data Protection Act 2014 (Victoria)* lebih memberikan penekanan umum terhadap hak privasi dan hak untuk memberikan keizinan, iaitu hak yang mungkin tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak atas dasar umur yang masih lagi belum dianggap dewasa.

## **KAWALAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA DI MALAYSIA**

*Sharenting* merupakan perbuatan ibu bapa yang memerlukan kawalan undang-undang bagi mengelakkan kesan buruknya kepada anak-anak, meskipun sukar untuk mengawal dan menyekat seseorang untuk memilih perkara yang boleh dikongsi di media sosial. Namun, mekanisme kawalan perundangan

78 Kanun Sivil Perancis, perkara 9. Retrieved from [https://www.legifrance.gouv.fr/Media/Traductions/English-en/code\\_civil\\_20130701\\_EN](https://www.legifrance.gouv.fr/Media/Traductions/English-en/code_civil_20130701_EN) at 13 Februari 2018.

79 Kanun Jenayah Perancis, perkara 226. Retrieved from <http://www.legislationline.org/documents/section/criminal-codes/country/30> at 13 Februari 2018.



perlu diwujudkan untuk membataskan tindakan ibu bapa demi kebajikan anak-anak.

Di Malaysia, kerajaan sangat memandang serius ancaman siber terhadap kanak-kanak termasuk pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) yang menggugat kesejahteraan kanak-kanak. Undang-undang yang berkaitan dengan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, iaitu Akta Kanak-kanak (AKK) 2001 dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (AKSTK). Akta Kanak-kanak 2001 dipinda pada tahun 2016 melalui Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016. Seseorang kanak-kanak dianggap memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal atau dcederakan dari segi emosi seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 17(1)(a) AKK. Kecederaan dari segi emosi kanak-kanak boleh berlaku jika ada gangguan yang kuat (*substansial*) dan memberikan kesan pada mental atau emosi kanak-kanak. Keadaan ini menurut seksyen 17(2) menunjukkan wujudnya kecelaruan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, kelangsangan (keagresifan) atau perkembangannya yang lambat. Kecederaan emosi ini boleh dikaitkan dengan kesan perkongsian tanpa kawalan maklumat kanak-kanak oleh ibu bapa mereka.

Selain itu, seksyen 15 AKK ada juga memperuntukkan larangan atau sekatan terhadap laporan dan penyiaran media tentang perkara yang berkaitan dengan perlakuan atau perbuatan jenayah kanak-kanak semasa penyiasatan atau pada peringkat sebelum perbincangan, perbincangan atau selepas perbincangan. Sekatan terhadap laporan dan penyiaran media dengan jelas memperuntukkan larangan untuk mendedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan, atau memasukkan butiran yang membolehkan kanak-kanak dikenal pasti. Walaupun seksyen 15 AKK tidak secara khusus menyebut sekatan di media sosial, penggunaan terma dalam media boleh dianggap mencakupi media sosial secara umumnya.

Seterusnya, kewujudan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (AKSTK) perlu mengawal bukan sahaja kesalahan jenayah seksual yang lebih serius terhadap kanak-

kanak seperti pornografi<sup>80</sup>, pengantunan kanak-kanak<sup>81</sup> dan amang seksual kanak-kanak<sup>82</sup> seperti yang diperuntukkan, malah perlu merangkumi perbuatan yang boleh mendorong kesalahan jenayah seksual termasuklah *sharenting*. Antara tujuan AKSTK diwujudkan adalah untuk mengawal kesalahan seksual pihak tertentu terhadap kanak-kanak, termasuklah mereka yang mempunyai hubungan dengan kanak-kanak seperti ibu atau bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan<sup>83</sup>. Pemakaian akta ini yang menjangkau sempadan negara selagi si pelaku berstatus warganegara Malaysia wajar memandangkan *sharenting* boleh dilakukan di mana-mana sahaja menggunakan aplikasi internet<sup>84</sup>. Walaupun AKSTK tidak memperuntukkan secara khusus dan jelas bahawa *sharenting* sebagai suatu kesalahan, perbuatan tersebut boleh mengakibatkan kesan buruk atau jenayah seksual yang serius terhadap kanak-kanak yang terlibat. Namun, peruntukan yang berkaitan dengannya perlulah dihalusi dan diteliti agar penguatkuasaannya tidak menimbulkan isu ketidakadilan terhadap ibu bapa.

Meksipun demikian, terdapat peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kawalan media seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 (Akta 301), Akta Penapisan Filem (APF) 2002 (Akta 620), dan Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 (Akta 588). Walau bagaimanapun, statut tersebut lebih menjurus kepada kawalan perundangan terhadap industri penyiaran, percetakan, komunikasi dan multimedia, serta perkara yang berkaitan dengannya, termasuklah mesin cetak, filem, berita dan bahan yang disiarkan oleh stesen televisyen, surat khabar dan majalah. Antara bentuk kawalan yang dilaksanakan adalah melalui lesen dan permit yang dikeluarkan oleh kerajaan, terutamanya untuk mengawal kewujudan syarikat penerbitan dan penyiaran swasta, serta pemberi kemudahan rangkaian, pemberi perkhidmatan aplikasi dan pemberi perkhidmatan rangkaian. Oleh sebab komunikasi kini boleh wujud

80 Bahagian II AKSTK.

81 Bahagian III AKSTK.

82 Bahagian IV AKSTK.

83 Seksyen 16 AKSTK.

84 Seksyen 3 AKSTK.

dalam pelbagai bentuk, undang-undang meletakkan definisi yang luas bagi membolehkan bentuk komunikasi kini termasuk dalam cakupan undang-undang. Sebagai contoh, seksyen 6 AKM 1998 memberikan definisi komunikasi sebagai:

Apa-apa komunikasi sama ada antara orang dengan orang, benda dengan benda, atau orang dengan benda, dalam bentuk bunyi, data, teks, imej visual, isyarat atau apa-apa bentuk lain atau mana-mana gabungan bentuk-bentuk itu.

Namun, seksyen 3(3) AKM 1998 menyediakan peruntukan yang dilihat sebagai memberikan perlindungan kepada pengguna media secara dalam talian tentang kebebasan bersuara<sup>85</sup> apabila memperuntukkan, “Tiada apa-apa jua dalam akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan internet.”

Meksipun demikian, kebebasan bersuara yang diberikan menurut artikel 10 Perlembagaan Persekutuan tertakluk pada fasal (2), (3) dan (4) yang membenarkan limitasi dibuat dan bukanlah sesuatu hak yang mutlak. Kerajaan berhak mengawal selia kandungan penyiaran dan penerbitan, serta meletakkan limitasi bagi kebebasan bersuara individu mahupun syarikat penyiaran dan penerbitan, demi keselamatan dan kesejahteraan negara. Melalui akta ini juga, kuasa yang luas diberikan kepada menteri yang dipertanggungjawabkan dengan komunikasi dan multimedia melalui peruntukan Bahagian II AKM 1998. Bahagian ini memperuntukkan kuasa dan tatacara menteri, antaranya seksyen 7 yang menyatakan kuasa menteri untuk mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa kepada suruhanjaya tentang perjalanan kuasa, pelaksanaan fungsi dan kewajipan suruhanjaya sama ada yang bersifat umum atau selainnya. Di samping itu, kewujudan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (ASKMM) 1998 (Akta 589) memperuntukkan secara khusus

85 Saodah Wok, & Shafizan Mohamed. (2017). Internet and social media in Malaysia: Development, challenges and potentials, *The Evolution of Media Communication* (Ed.), Beatriz Peña Acuña, (InTech, DOI: 10.5772/intechopen.68848), Retrieved from <https://www.intechopen.com/books/the-evolution-of-media-communication/internet-and-social-media-in-malaysia-development-challenges-and-potentials> at 15 Januari 2018.

penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah untuk menyelia dan mengawal aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia, serta menguatkuasakan undang-undang dan perkara yang berkaitan. Sebagai contoh, seksyen 211 dan 233 AKM 1998 memperuntukkan kuasa kepada SKMM untuk memantau kandungan jelicik dan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian bagi mengawal pengguna media, termasuklah komunikasi di internet sekiranya difikirkan perlu demi kepentingan negara.

Seterusnya, undang-undang berkenaan dengan fitnah secara umumnya dilihat bersesuaian apabila penyiaran melalui internet juga tidak terlepas daripada kawalan undang-undang tersebut. Walaupun Akta Fitnah 1957 (Akta 286) tidak menyebut internet secara jelas sebagai medium penyiaran di samping komunikasi radio, surat khabar dan mesyuarat awam<sup>86</sup>, namun Suhaimee dan Rusyda Helma menyatakan bahawa penyiaran melalui internet juga boleh dikategorikan sebagai suatu bentuk komunikasi radio berdasarkan pemahaman terhadap definisi penyiaran melalui komunikasi radio di bawah seksyen 2 Akta Fitnah 1957<sup>87</sup> dan penyiaran perkataan melalui komunikasi radio ialah penyiaran dalam bentuk tetap menurut seksyen 3. Bagi maksud perkataan, seksyen 2 mendefinisikannya sebagai, “Termasuklah gambar, imej visual, isyarat dan cara-cara lain untuk menyatakan maksud.”

Oleh sebab Akta Fitnah 1957 tidak memberikan definisi secara statutori tentang fitnah, prinsip *common law* terpakai dan relevan. Fitnah didefinisikan sebagai penyiaran pernyataan fakta yang tidak betul yang memberikan kesan terhadap reputasi seseorang dan kecenderungan merendharkannya pada pandangan masyarakat yang berfikiran waras dan menyebabkan mereka

86 Seksyen 2 Akta Fitnah.

87 Suhaimee Saahar@Saabar, & Rusyda Helma Mohd. (2012). Fitnah siber: Satu tinjauan dari sudut Islam, perlembagaan dan undang-undang, *LNS(A)*x1, 1, 1 – 38.

menjauhi atau menghindarinya<sup>88</sup>. Secara umumnya, undang-undang mengklasifikasikan fitnah kepada dua, iaitu bertulis (*libel*) dan lisan (*slander*)<sup>89</sup>. *Libel* merujuk fitnah dalam bentuk bercetak dan tetap seperti buku, majalah, surat khabar, gambar dan imej<sup>90</sup> yang juga merupakan suatu bentuk penerbitan yang dikaitkan dengan penglihatan atau mata<sup>91</sup>. Sebaliknya, *slander* merupakan fitnah dalam bentuk pertuturan atau lisan yang dikaitkan dengan pendengaran atau telinga<sup>92</sup>.

Adakah *sharenting* boleh dikatakan sebagai *libel* kerana dikongsikan secara dalam talian dan kekal. Walaupun *libel* merupakan perbuatan yang berdiri sendiri, iaitu plaintif tidak perlu membuktikan apa-apa kerosakan (*damage*) atau kecederaan (*injury*) yang dihadapinya secara material akibat penyiaran tersebut, namun kehendak asas bagi membolehkan perbuatan *sharenting* dikategorikan sebagai fitnah perlu dipatuhi kerana takrifnya mengikut *common law* bermaksud berlakunya penyataan fakta yang

88 Ahmad Masum, & Md. Rejab Md. Desa. (2014). Media and the libel law: The Malaysian Experience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155, 34 – 41. Retrieved from [https://ac.els-cdn.com/S1877042814057188/1-s2.0-S1877042814057188-main.pdf?\\_tid=c068d526-fb4b-11e7-ac43-00000aab0f26&acdnat=1516169022\\_98cad5ed9e0995b223d29cf35695f13c](https://ac.els-cdn.com/S1877042814057188/1-s2.0-S1877042814057188-main.pdf?_tid=c068d526-fb4b-11e7-ac43-00000aab0f26&acdnat=1516169022_98cad5ed9e0995b223d29cf35695f13c) at 10 Januari 2018.

89 Aishah Bidin. (1990). Undang-undang tentang kebebasan bersuara dan mencetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 6, 27 – 41. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/4903/1/9%281%29.pdf> at 10 Januari 2018.

90 Aishah Bidin. (1990). Undang-undang tentang kebebasan bersuara dan mencetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 6, 27 – 41. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/4903/1/9%281%29.pdf> at 10 Januari 2018.

91 Abdul Basir Mohamed. “Fitnah melalui internet dan telekomunikasi menurut undang-undang ciptaan dan undang-undang Islam”. Retrieved from <https://sssums.files.wordpress.com/2007/11/fitnah-melalui-internet-dan-telekomunikasi-menurut-undang-undang-ciptaan-dan-undang-undang-islam.pdf> at 10 Januari 2018.

92 Abdul Basir Mohamed. “Fitnah melalui internet dan telekomunikasi menurut undang-undang ciptaan dan undang-undang Islam”. Retrieved from <https://sssums.files.wordpress.com/2007/11/fitnah-melalui-internet-dan-telekomunikasi-menurut-undang-undang-ciptaan-dan-undang-undang-islam.pdf> at 10 Januari 2018.

tidak betul. Selain itu, pernyataan tersebut juga perlu dibaca, didengar atau dilihat oleh orang lain dan plaintif mestilah mempunyai reputasi yang perlu dilindungi. Dengan kata lain, tindakan boleh dibuat apabila wujudnya penyiaran yang menjejaskan reputasi dan berniat buruk<sup>93</sup>. Perkara ini sukar untuk dibuktikan atau mustahil wujud niat buruk jika melibatkan hubungan ibu bapa dan anak. Tambahan pula, jika melibatkan bayi atau anak yang masih kecil, perkongsian yang dibuat oleh ibu bapa adalah sekadar suka-suka dan tidak melibatkan sebarang pernyataan fakta, malah dibuat tanpa sebarang niat buruk terhadap anak.

Ringkasnya, setakat ini, tiada peruntukan undang-undang yang khusus untuk mengawal perbuatan *sharenting* di Malaysia. Peruntukan dalam AKK sedia ada hanya memfokuskan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak secara umum untuk melindungi maklumat kanak-kanak daripada disebarkan dari aspek jenayah dan kesalahan seksual. Begitu juga dengan peruntukan AKSTK yang menekankan kesalahan seksual yang khusus seperti pornografi, pengantunan dan amang seksual kanak-kanak. Perbuatan yang berkemungkinan membawa kesalahan seksual tersebut tidak diperuntukkan. Namun, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada yang memperuntukkan bidang kuasa yang luas kepada menteri berkenaan dan SKMM, perbuatan *sharenting* juga dilihat tidak terkecuali daripada dikenakan kawalan undang-undang sekiranya boleh mendatangkan kemudaratan dan ancaman buruk kepada kanak-kanak sebagai suatu golongan yang perlu dilindungi.

## KESIMPULAN

Melihat trend terkini dan kesan *sharenting*, terutama kepada anak-anak, undang-undang perlu diwujudkan bagi menanganinya sama ada dengan menambah baik undang-undang yang sedia ada atau mewujudkan undang-undang baharu yang khusus. Beberapa aspek penting perlu dititikberatkan dalam penggubalannya seperti

93 Seksyen 7 Akta Fitnah memperuntukkan tentang fitnah tanpa niat atau penyiaran perkataan-perkataan yang dibuat secara suci hati.



perincian perbuatan perkongsian yang boleh dianggap berlebihan dan bersalahan di sisi undang-undang, keperluan mendapatkan persetujuan anak-anak sebagai sebahagian daripada perkongsian, definisi anak-anak yang dilindungi oleh undang-undang dalam kes *sharenting*, serta isu geografi dan batasan tindakan. Jelasnya, ketiadaan undang-undang untuk mengawal perbuatan ini dibimbangi akan mengundang berlakunya gejala buruk seperti buli siber, penculikan dan jenayah seksual yang sukar dibendung.

## RUJUKAN

- Retrieved from [https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615\\_sharenting\\_0.pdf](https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615_sharenting_0.pdf) at 5 Januari 2018.
- Retrieved from <https://mottpoll.org/reports-surveys/parents-social-media-likes-and-dislikes-sharenting> at 2 Januari 2018.
- Retrieved from [https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615\\_sharenting\\_0.pdf](https://mottpoll.org/sites/default/files/documents/031615_sharenting_0.pdf) at 2 Januari 2018.
- Retrieved from <https://www.macmillandictionary.com/buzzword/entries/sharent.html> at 2 Januari 2018.
- Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017.pdf> at 2 Januari 2018.
- Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017.pdf> at 11 Desember 2017.
- Retrieved from <https://www.unicef.org/malaysia/Unicef-ChildrensRights.pdf>, at 11 Desember 2017.
- Retrieved from <https://www.legislation.gov.uk/ukpga/1998/29/contents> at 15 Januari 2018.
- Abdul Basir Mohamed. Fitnah melalui internet dan telekomunikasi menurut undang-undang ciptaan dan undang-undang Islam. Retrieved from <https://sssums.files.wordpress.com/2007/11/fitnah-melalui-internet-dan-telekomunikasi-menurut-undang-undang-ciptaan-dan-undang-undang-islam.pdf> at 10 Januari 2018.
- Abram, C., & Pearlman, L. (2010). *Facebook for dummies*. Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons.
- Ahmad Masum, & Md. Rejab Md. Desa. (2014). Media and the libel law: The Malaysian experience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155, 34 – 41, Retrieved from <https://ac.els-cdn.com/>



- S1877042814057188/1-s2.0-S1877042814057188-main.pdf?\_tid=c068d526-fb4b-11e7-ac43\_00000aab0f26&acdnat=1516169022\_98cad5ed9e0995b223d29cf35695f13c at 10 Januari 2018.
- Aishah Bidin. (1990). Undang-undang tentang kebebasan bersuara dan mencetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 6, 27 – 41, Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/4903/1/9%281%29.pdf> at 10 Januari 2018.
- Akta Fitnah 1957 (Akta 286).
- Ammari, T., Kumar, P., Lampe, C., & Schoenebeck, S. (2015). Managing children's online identities: How parents decide what to disclose about their children online. In *Proceedings of the 33rd Annual ACM Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 1895 – 1904). ACM. Retrieved from [http://yardi.people.si.umich.edu/pubs/Schoenebeck\\_ManagingChildrensIdentities15.pdf](http://yardi.people.si.umich.edu/pubs/Schoenebeck_ManagingChildrensIdentities15.pdf) at 1 Februari 2018
- Aziz, N. A. A. (2009). Internet, laman web pornografi dan kaedah psikospiritual Islam dalam menangani keruntuhan akhlak remaja pelayar laman web pornografi. *Jurnal Usuluddin*, 29, 147 – 169.
- Basilisco, R., & Cha, K. J. (2015). Uses and gratification motivation for using facebook and the impact of facebook usage on social capital and life satisfaction among Filipino users. *International Journal of Software Engineering and Its Applications*, 9(4), 181 – 194.
- Berman, G., & Albright, K. (2017). Children and the data cycle: Rights and ethics in a big data world. *arXiv preprint arXiv:1710.06881*. Retrieved from <https://arxiv.org/abs/1710.06881> at 10 Februari 2018.
- Bessant, C. (2017). Could a child sue their parents for sharenting? Parenting for a Digital Future Blog. Retrieved from <http://blogs.lse.ac.uk/parenting4digitalfuture/201>.
- Bessant, C. (2017). *Parental sharenting and the privacy of children*. In Northumbria University Faculty of Business and Law, Faculty and Doctoral Conference, 28 – 29 Jun 2017, Newcastle, United Kingdom. Retrieved from <http://nrl.northumbria.ac.uk/31355/>> at 1 Februari 2018.
- Blum-Ross, A. (2015). Sharenting: Parent bloggers and managing children's digital footprints. Retrieved from [http://eprints.lse.ac.uk/63324/7/Sharenting%20parent%20bloggers\\_2015.pdf](http://eprints.lse.ac.uk/63324/7/Sharenting%20parent%20bloggers_2015.pdf) at 10 Januari 2018.
- Blum-Ross, A. & Livingstone, S. (2017). “Sharenting”, parent blogging, and the boundaries of the digital self. *Popular Communication*, 15(2), 110 – 125.



- Bouckley, H. (2017). Online reputation: How to keep your children safe online. Retrieved from <http://home.bt.com/tech-gadgets/internet/online-reputation-management-parents-children-11364112168110> at 12 Januari 2018
- Bessant, C. (2017). Family privacy in the internet age: Family photographs as a case study. Paper presenter at PLSC Europe 2017, 17 – 19 Mei, Tilburg, The Netherlands.
- Brantwaithe, A., & Pattreson, S. (2011). The power of qualitative research in the era of social media. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 14(4), 430 – 440. Retrieved from <https://doi.org/10.1108/13522751111163245>.
- Brosch, A. (2016). When the child is born into the internet: Sharenting as a growing trend among parents on Facebook. *The New Educational Review*, 43(1), 225 – 235. Retrieved from <http://www.educationalrev.us.edu.pl/dok/volumes/43/a19.pdf> at 15 Januari 2018.
- Burcham, J. (2016). “Where do you stand on “Sharenting”?” Retrieved from <https://www.fightingidentitycrimes.com/where-do-you-stand-on-sharenting/> at 1 Februari 2018.
- Censullo, M. (2018). “Sharenting can lead to your kid’s identity being stolen. Retrieved from <http://wfla.com/2018/02/06/sharenting-can-lead-to-your-kids-identity-being-stolen/> at 1 Februari 2018.
- Chalklen, C., & Anderson, H. (2017). Mothering on facebook: Exploring the privacy/openness paradox. *Social Media+Society*, 3(2), 2056305117707187.
- Cheng, J., Danescu-Niculescu-Mizil, C., & Leskovec, J. (2014). How community feedback shapes user behavior. *arXiv preprint arXiv:1405.1429*. Retrieved from <https://www.aaai.org/ocs/index.php/ICWSM/ICWSM14/paper/viewFile/8066/8104> at 3 Februari 2018.
- Child Community Family Australia. (2015). Images of children and young people online. Retrieved from <https://aifs.gov.au/cfca/publications/images-children-and-young-people-online> at 10 Februari 2018.
- Doubek, J. (2018). Google has received 650 000 ‘right to be forgotten’ requests since 2014. Retrieved from <https://www.npr.org/sections/thetwo-way/2018/02/28/589411543/google-received-650-000-right-to-be-forgotten-requests-since-2014> at 1 Februari 2018
- Ezumah, B. A. (2013). College students’ use of social media: Site preferences, uses and gratifications theory revisited. *International*

- Journal of Business and Social Science*, 4(5).
- Feinberg, T., & Robey, N. (2009). Cyberbullying: Intervention and prevention strategies. *National Association of School Psychologists*, 38(4), 22 – 24. Retrieved from <http://avoca37.org/awpupilservices/files/2012/10/Cyberbullying.pdf> at 20 Februari 201
- Frantziou, E. (2014). Further developments in the right to be forgotten: The European court of justice's judgment in case C-131/12, Google Spain, SL, Google Inc *lwn* Agencia Espanola de Proteccion de Datos, *Hum. Rts. L. Rev.*, 14, 761.
- Fuchs, C., & Trottier, D. (2015). Towards a theoretical model of social media surveillance in contemporary society. *Communications: The European Journal of Communication Research*, 40(1), 113 – 135.
- Ghani, N. M., & Ghazali, S. (2015). Tindak balas pengguna YouTube terhadap kes buli dalam kalangan remaja di Malaysia. *Sains Humanika* 6(1), 9 – 17.
- Google Spain SL and Google Inc. *lwn* Agencia Española de Protección de Datos (AEPD) and Mario Costeja González ECLI:EU:C:2014:317. Retrieved from <http://eur-lex.europa.eu/legal-content/ENTXT/?uri=CELEX%3A62012CJ0131> at 1 Februari 2018.
- Grube, B. (2012). *Social media's influence on youth*. YDI Research Brief Number 17. Retrieved from [tamu.edu/wp ... /YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf](http://tamu.edu/wp.../YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf) at 4 Februari 2018.
- Ilham, N. M. M., & Salleh, M. A. M. (2015). Isu privasi dan keselamatan dalam kalangan pengguna aplikasi media sosial. *e-Bangi*, 10(2).
- Jacobs, R., Boyd, L., Brennan, K., Sinha, C. K., & Giuliani, S. (2016). The importance of social media for patients and families affected by congenital anomalies: A Facebook cross-sectional analysis and user survey. *Journal of Pediatric Surgery*, 51(11), 1766 – 1771.
- Jomhari, N., Gonzalez, V. M., & Kurniawan, S. H. (2009). See the apple of my eye: Baby storytelling in social space. In *Proceedings of the 23rd British HCI Group Annual Conference on People and Computers: Celebrating People and Technology* (pp. 238 – 243). Cambridge, United Kingdom: British Computer Society.
- Kanun Jenayah Perancis, perkara 226. Retrieved from <http://www.legislationline.org/documents/section/criminal-codes/country/30> at 13 Februari 2018.
- Kanun Sivil Perancis, perkara 9. Retrieved from [https://www.legifrance.gouv.fr/Media/Traductions/English-en/code\\_civil\\_20130701\\_EN](https://www.legifrance.gouv.fr/Media/Traductions/English-en/code_civil_20130701_EN) at

- 13 Februari 2018.
- Keith, B. E., & Steinberg, S. (2017). Parental sharing on the internet: Child privacy in the age of social media and the pediatrician's role. *JAMA pediatrics*, 171(5), 413 – 414.
- Kessel Schneider, S. (2013). Social media and cyberbullying: Implementation of school-based prevention efforts and implications for social media approaches. In *141st APHA Annual Meeting*. APHA. Retrieved from <https://apha.confex.com/apha/141am/webprogramadap/Paper291097.html> at 20 Februari 2018.
- Konvenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights), perkara 14. Retrieved from <http://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx> at 3 Februari 2018.
- Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child), perkara 16. Retrieved from <https://www.unicef.org/crc/> at 3 Februari 2018.
- Kumar, P. (2014). A Digital Footprint from Birth: New Mothers' Decisions to Share Baby Pictures Online. Tesis Sarjana University of Michigan School of Information. Retrieved from, [https://deepblue.lib.umich.edu/bitstream/handle/2027.42/106577/Priya\\_Kumar\\_Thesis.pdf?sequence=1&isAllowed=y](https://deepblue.lib.umich.edu/bitstream/handle/2027.42/106577/Priya_Kumar_Thesis.pdf?sequence=1&isAllowed=y) at 1 Februari 2018.
- Malek, M. D. A., & Kamil, I. S. M. (2010). *Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: Cabaran dan realiti dunia siber*. Paper presented at Program Jenayah Cyber dan Isu Perdagangan Manusia di Malaysia, 26 Ogos, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. Retrieved from <http://eprints.ums.edu.my/117/> at 1 Februari 2018.
- Marasli, M., Suhendan, E., Yilmazturk, N. H., & Cok, F. (2016). Parents' shares on social networking sites about their children: Sharenting. *The Anthropologist*, 24(2), 399 – 406. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09720073.2016.11892031> at 17 Januari 2018
- Montague, P. (1988). Child's right to privacy. *Public Affairs Quarterly*, 2(1), 17 – 32. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/40435666> at 15 Januari 2018.
- Moore, A. (2008). Defining privacy. *Journal of Social Philosophy*, 39(3), 411 – 428. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/490d/55b9f4b806eb6b905272590414d57e4c3975.pdf> at 15 Januari 2018.
- Moser, C., Chen, T., & Schoenebeck, S. Y. (2017). Parents and childrens

- preferences about parents sharing about children on social media. In *Proceedings of the 2017 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 5221 – 5225). ACM.
- Mustafa, S. E. (2014). Media sosial di Malaysia dan Indonesia: Penggunaannya sebagai alat komunikasi, kolaborasi dan jaringan digital. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2), 71 – 85.
- Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), perkara 12. Retrieved from [www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/at](http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/at) 1 Mac 2018.
- Peraturan Perlindungan Data Am (*General Data Protection Regulation* (GDPR), perkara 17: Hak untuk dilupakan. Retrieved from <https://gdpr-info.eu/art-17-gdpr/> at 1 Februari 2018.
- Pitchan, M. A., Omar, S. Z., Bolong, J., & Ghazal, A. H. A. (2017). Analisis keselamatan siber dari perspektif persekitaran sosial: Kajian terhadap pengguna internet di Lembah Klang. *e-Bangi*, 12(2), 16 – 29.
- Ramizah, Siti, & Jusang Bolong. Kesediaan mendedahkan hal peribadi: Pola dan dimensi pendedahan sendiri dalam kalangan pengguna Facebook. *Media Literacy Among Adolescents Towards Soft Drink Advertisement in Klang Valley, Malaysia* 13(69). 11th International Postgraduate Research Colloquium. Retrieved from <http://repository.um.edu.my/40180/1/3-PROCEEDING%20of%20IPRC%202014.pdf#page=69> at 1 Februari 2018.
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim *et al.*, (2018). “Tetapan peribadi di laman sosial tidak selamat”, *Berita Harian dalam Talian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/370698/tetapan-peribadi-di-laman-sosial-tidak-selamat>.
- Salleh, M. A. M., & Ilham, N. M. M. (2017). Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502 – 514.
- Saodah Wok, & Shafizan Mohamed. (2017). Internet and social media in Malaysia: Development, challenges and potentials. In Beatriz Peña Acuña (Ed.), *The Evolution of Media Communication* (InTech, DOI: 10.5772/intechopen.68848). Retrieved from <https://www.intechopen.com/books/the-evolution-of-media-communication/internet-and-social-media-in-malaysia-development-challenges-and-potentials> at 15 Januari 2018.
- Scheff, S., Schorr, M., & Lewinsky, M. (2017). *Shame nation: The global epidemic of online hate*. Naperville, Illinois: Sourcebooks.

- Collins Dictionary*. Retrieved from <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/sharenting> at 2 Januari 2018.
- Macmillan Dictionary*. Retrieved from <https://www.macmillandictionary.com/dictionary/british/sharenting> at 2 Januari 2018.
- Shmueli, B. & Blecher-Prigat, A. (2011). Privacy for Children. *Columbia Human Rights Law Review*, 42, 759 – 795. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/8e6f/ee09115b1c9c9c0fdc9af68e2100435f0e23.pdf> at 30 Desember 2017.
- Shmueli, B., & Blecher-Prigat, A. (2010). Privacy for children. *Colum. Hum. Rts. L. Rev.*, 42, 759.
- Steinberg, S. B. (2017). Sharenting: Children’s privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, 66, 839.
- Suhaimee Saahar@Saabar, & Rusyda Helma Mohd. (2012). Fitnah siber: Satu tinjauan dari sudut Islam, perlembagaan dan undang-undang. *LNS (A)* xl, 1, 1 – 38.
- UNICEF (2017). Discussion paper series: Children’s rights and business in a digital world, privacy, protection of personal information and reputation. Retrieved from [https://www.unicef.org/csr/css/UNICEF\\_CRB\\_Digital\\_World\\_Series\\_PRIVACY.pdf](https://www.unicef.org/csr/css/UNICEF_CRB_Digital_World_Series_PRIVACY.pdf) at 3 Februari 2018;
- Kirsty Hughes. (2011). The child’s right to privacy and article 8 European Convention on Human Rights’, In Michael Hughes (Ed.), *Law and childhood studies: Current legal issues* (Vol. 14). Oxford: Oxford Univesity Press.
- Wall, D. (2004). What are cybercrimes?. *Criminal Justice Matters*, 58(1), 20 – 21. Retrieved from <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09627250408553239?journalCode=rcjm20> at 1 Februari 2018.
- Wall, D. S. (2005). The internet as a conduit for criminals’ (pp. 77 – 98). In Pattavina, A. (Ed.), *Information technology and the criminal justice system*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Yar, M. (2012). Crime, media and the will-to-representation: Reconsidering relationships in the new media age. *Crime, Media, Culture*, 8(3), 245 – 260.

Diperoleh (*Received*): 4 Julai 2018

Diterima (*Accepted*): 28 November 2018